

TEKS UCAPAN
Y.BHG.BRIG. JEN. DATUK PROF. DR.KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UNIMAP,
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KARNIVAL KERJAYA (EdGE 2014) DAN
FINISHING SCHOOL 2014
18 Mac 2014
UniMAP UniCITI Sungai Chuchuh Padang Besar

Bismillah Hirrahan Nirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia, Timbalan-timbalan Naib Canselor,
Pegawai-Pegawai Utama Universiti,
Penolong Penolong Naib Canselor
Y. Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd Rozailan Bin Mamat@Ibrahim, Pengarah
Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan UniMAP (CIGC),
Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,
Rakan Strategik Industri-industri,
Peserta Karnival Kerjaya EDGE dan Finishing School (Exposure Day for
Graduate Employability) UniMAP 2014, Seterusnya para hadirin yang
dihormati sekalian,

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allh SWT, kerana dengan izinNya juga, dapat kita bersama-sama pada hari ini. Pertama sekali, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada **Prof Madya Dr. Fo'ad Sakdan, Prof. Madya Dr. Rozailan,** dan **Prof.**

- Madya Razli Ahmad**, kerana ganding usaha antara sekretariat CIGC dan HEPA telah berjaya mengajurkan karnival kerjaya untuk tahun 2014. Dengan nama **Exposure Day for Graduate Employability** atau **EDGE**, karnival kerjaya ini mempunyai falsafah yang agak berbeza dengan karnival karnival terdahulu.
2. Untuk tahun 2014, pihak CIGC telah menggabungkan dua program terbesar demi untuk meningkatkan nilai kebolehpasaran dan kerjaya bakal graduan UniMAP. Program Finishing School digabungkan sekali dengan Program EDGE 2014.

FINISHING SCHOOL DAN EXPOSURE DAY FOR GRADUATE EMPLOYABILITY (EDGE)

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Harus diingat, kedua-dua program ini merupakan program **“catalyst”** UniMAP dalam agenda pembangunan **Kebolehpasaran dan Kerjaya** bakal graduan. Finishing School merupakan inisiatif melengkapkan bakal graduan dengan empat komponen penting.
4. Pertama adalah Kesiapsiagaan Bakal Pelajar menempuhi alam pekerjaan. Kedua, Kefahaman bakal graduan didalam sektor industri berasaskan NKEA negara seperti Elektrik dan Elektronik, Automotif, Perniagaan Servis dan Kewangan, Minyak dan Gas dan Sektor Pembuatan. Ketiga Penampilan Diri dan keempat Keusahawanan.
5. Atas dasar itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada RH Training and Development, dimana program **“CEO, Confident, Energetic, Outstanding”** yang dilaksanakan dalam Finishing School Isnin lalu dilihat mampu membantu pembinaan dan pembentukan karakter bakal graduan dalam menghadapi dunia pekerjaan.
6. Saya yakin gembeling usaha tenaga mahir seperti **En. Rudy Hizat, Kamaldin Nordin, Wan Zurina** dan **Selina Rogers** mampu meningkatkan kemandirian graduan UniMAP setanding dan sehebat graduan universiti terkemuka yang lain.

7. Dalam kluster Keusahawanan, tidak lupa saya ucapkan ribuan terima kasih kepada **Ybrs. Dr. Suhaimi Sulaiman** merangkap Ketua Akademi PNS dan rakan rakan mereka, yang tidak pernah jemu memberikan taklimat dan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam sama sama membangunkan budaya keusahawanan di UniMAP. Kepada rakan strategik kami seperti **CREST, My Partners Malaysia Sdn Bhd, CIDB, DreamEDGE** dan **Biotech Corp** saya turut berterima kasih kerana sudi berkongsi pengalaman dan peluang kerjaya dalam sektor sektor industri prima.
8. Ayuh, kita berikan tepukan kepada semua rakan rakan industri UniMAP yang memeriahkan Karnival Kerjaya pada hari ini seperti:
 - a. Intel Technology Sdn Bhd
 - b. On Semiconductor Malaysia
 - c. Agilent Technologies
 - d. First Solar
 - e. OSRAM Malaysia
 - f. KOBE Precision Technology Sdn Bhd
 - g. Stoppani Technology
 - h. DreamEDGE
 - i. Orbitage
 - j. Fairchild Semiconductor
 - k. Job House Malaysia
 - l. Job Central Malaysia
 - m. RHB Bank
 - n. Sympony
 - o. CELCOM Malaysia
 - p. Che Wan Consultant Sdn Bhd
 - q. InterExcell
 - r. Azizan & Co.
 - s. KISMEC

9. Tidak lupa juga rakan-rakan agensi awam yang terlibat seperti:
 - a. Angkatan Tentera Malaysia
 - b. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia APMM
 - c. Polis Diraja Malaysia

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Matlamat utama **EDGE** adalah untuk **“spearhead” kebolehpasaran dan kerjaya (Graduate Employability)** para pelajar UniMAP yang akan bergraduat pada tahun ini. **KPI** yang ditetapkan pada 2014 adalah setinggi **80 peratus** graduan harus berkerja pada tempoh kovokesyen berlangsung. Ini bermakna banyak inisiatif perlu dilakukan oleh pihak UniMAP dan juga industri untuk membolehkan KPI tersebut dicapai.
11. Dalam kitaberbicara mengenai Kebolehpasaran Graduan, saya amat bersyukur kerana UniMAP mempunyai track rekod yang amat baik. Selama 12 tahun kewujudan UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai KUKUM, telah menyaksikan sebanyak 8 konvokesyen telah berlangsung dan berikut adalah track rekod kita sejak dari 2006.
 - a. 2006 – 100% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan dari konvokesyen
 - b. 2007 – 88%
 - c. 2008 – 85%
 - d. 2009 – 68%
 - e. 2010 – 76%
 - f. 2011 – 75%
 - g. 2012 – 80%
 - h. 2013 – 84%
12. Jikalau dilihat peratusan graduan UniMAP rata rata berada dalam sektor swasta dan Multinasional. Menurut data yang disediakan oleh Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Awam, CIGC UniMAP, diantara tahun 2006 hingga 2013 hampir 24% graduan, alumni UniMAP

berada di sektor swasta tempatan dan GLC. Lebih 30% yakni satu pertiga dari graduan yang kita hasilkan memilih untuk bekerja dalam sektor multinasional.

13. Saya difahamkan dalam **EDGE 2014** ini, terdapat sekurang-kurangnya 600 kekosongan dalam 23 jawatan pelbagai bidang. Ini sahaja sekiranya mampu diisi oleh pelajar UniMAP yang akan bergraduat, sudah tentu telah mencapai 40 peratus KPI GE tahun ini dengan jangkakan jumlah pelajar yang akan menamatkan pengajian tahun ini adalah seramai 1500 orang.

PENUTUP

14. Akhir kata saya amat mengharapkan agar Program EDGE 2014 kali ini mampu menjadi satu lagi “catalyst” dalam memacu kerjaya para bakal graduan UniMAP. Kepada pihak industri, saya yakin graduan yang UniMAP hasilkan tidak akan menghampakan anda. Saya yakin juga, dengan pembangunan kerjaya yang holistik oleh pihak CIGC dan HEPA, kita mampu menjadikan graduan kita modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kepada rakan rakan industri yang bersama sama UniMAP pada hari ini, saya harapkan kerjasama yang terjalin akan terus terjalin.

**Pergi berehat ke Lubuk Sembilang,
Hendak menyedut udara yang nyaman,
Graduan cemerlang negara terbilang,
Menjana ekonomi memacu kegemilangan.**

Saya dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” merasmikan ***Penutupan Karnival Kerjaya UniMAP (EdGE 2013)***.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima Kasih.